

DAI AM USAHANYA MENCARI PERDAMAIAN:



HAJI YUSUF RAWA

PAS gagal mencapai kata sepakat

KOTA BAHARU, Sabtu

PAS gagal mencapai kata sepakat hari ini dalam usaha mencari perdamaian berikutan perletakan jawatan bekas pemimpin kebangsaannya Datuk Asri Muda, kerana pucuk pimpinan yang baru menyangkal dakwaan wujudnya krisis dalam parti itu.

Kumpulan 18 orang anggota Jawatankuasa Perhubungan PAS Kelantan yang berdiri kuat di belakang Datuk Asri mencadangkan supaya Jawatankuasa Agung mengadakan mesyuarat berasingan dengan Jawatankuasa Negeri untuk mencari "formula damai."

Perdamaian ini juga dianggap amat perlu kerana PAS akan berhadapan dengan Barisan Nasional dalam pilihanraya kecil Binjai pada hari Rabu tetapi pucuk pimpinan PAS yang baru menolak bucat-bulat cadangan Jawatankuasa Perhubungan Kelantan.

Kelantan memang diketahui umum sebagai pusat penyokong-penyokong Datuk Asri sementara golongan pemimpin baru PAS yang semakin hari semakin menguasai PAS berpusat di Terengganu.

Malahan, keretakan dalam PAS sekarang bukan saja meletus selepas Datuk Asri mengunduri diri kerana tidak setuju dengan arah perjuangannya PAS masaknya tapi juga



DATUK ASRI

semakin meruncing berikutan penamaan calon untuk pilihanraya kecil itu.

Hari ini, Jawatankuasa Agung mengadakan pertemuan khas di sini dengan beberapa orang ahli Jawatankuasa Kelantan, ahli-ahli Dewan-Dewan Ulama, Pemuda dan Muslimat serta Dewan Harian Kelantan.

Dihormati

Pemangku Presiden Haji Yusuf Rawa tidak hadir kerana sedang dirawat di hospital Pulau Pinang, sementara kebanyakan ahli Jawatankuasa Negeri pula memulakan perjumpaan itu.

Jawatankuasa Perhubungan Kelantan diketuai oleh Pesuruhjaya, Haji Nik Aziz Nik Mat, yang juga Ketua Dewan Ulama Pusat dan pucuk pimpinan PAS pula diwakili oleh Haji Zabidi Ali, Encik Hassan Ishak dan Encik Yahya Osman. Haji Nik Aziz ialah

Ahli Parlimen yang disifatkan sebagai penyokong tunggal pucuk pimpinan PAS yang baru, dari kelima-lima wakil-wakil parti itu dalam Dewan Rakyat.

Naib Yang Dipertua Agung PAS, Haji Abdul Hadi Awang memberitahu pemberita-pemberita selepas pertemuan itu, bahawa rundingan damai yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Kelantan tidak perlu sama-sekali "kerana tidak berlaku sebarang krisis peribadi dalam PAS sekarang."

"Kita tidak perlu sebarang formula kerana tidak ada pergeseran peribadi di kalangan pemimpin-pemimpin PAS.

"Kita tidak faham kalau perletakan jawatan oleh Datuk Asri itu disifatkan sebagai krisis."

Sebaliknya, Haji Hadi menisfikan pertemuan hari ini sebagai "satu dari siri lawatan biasa pucuk pimpinan parti ke negeri-negeri dan kawasan-kawasan".

Beliau juga menyatakan bahawa soal perletakan jawatan oleh Datuk Asri tidak ditimbulkan sama-sekali kerana isu itu sudah jelas dan nyata.

Para pemberita menumpukan soalan-soalan mereka terhadap perselisihan faham akibat perletakan jawatan oleh tokoh PAS yang masih disanjung dan dihormati itu dan kecaman-kecaman dari penyokong Datuk Asri yang menisfikan pucuk pimpinan baru sebagai puak radikal.

Haji Hadi seterusnya menjawab bahawa "tidak ada perubahan dalam pucuk pimpinan PAS biar dari segi jawatan mahupun dasar perjuangan."